



Untuk Terbitan Media

4 Mac 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PENSIJILAN PROFESIONAL PERKESO 2024: TINGKAT KAPASITI PENGURUSAN HILANG UPAYA DAN SISTEM PERSARAAN**

**SHAH ALAM:** Seramai 183 individu berjaya lulus peperiksaan dan memperoleh pensijilan profesional dalam dua bidang utama, iaitu *Certified Disability Management Professional* (CDMP) dan *Certified International Pension and Retirement Professional* (CIPRP) di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam, 2 Mac lalu.

PERKESO memaklumkan, Pensijilan CDMP yang diberikan adalah bertaraf antarabangsa dan PERKESO merupakan agensi tunggal di Malaysia dan Asia Tenggara yang menawarkan pensijilan ini.

“Untuk tahun ini seramai 139 lulus dan layak menerima CDMP merangkumi 125 individu penerima tempatan sementara 14 individu lagi adalah penerima dari Filipina dan Indonesia dengan 44 individu lagi adalah penerima sijil CIPRP

“CDMP adalah pensijilan profesional yang dapat meningkatkan kapasiti pengamal pengurusan hilang upaya dalam memperkasa aspek perlindungan keselamatan sosial melalui *Program Return to Work* (RTW).

“Pengurusan hilang upaya adalah salah satu elemen signifikan dalam membantu pekerja bekerja semula yang berhubung rapat dengan dasar pengurusan sumber manusia serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam menyediakan tempat kerja kondusif kepada

pekerja hilang upaya dalam usaha memacu prestasi optimum,” ujar PERKESO dalam kenyataannya hari ini.

Sehingga kini seramai 457 individu pemegang sijil profesional ini di mana 433 warga tempatan dan 24 individu lagi adalah pengamal pengurusan hilang upaya dari pelbagai negara sekitar Asia Tenggara.

Penyampaian sijil CIPRP turut diberikan dalam Majlis Pensijilan Profesional PERKESO 2024 yang berfokuskan kepada pengurusan sistem persaraan, perlindungan sosial, dan pembangunan dasar serta strategi pasca persaraan.

Pensijilan yang diperkenalkan pada 2022 ini penting dalam memberi nilai tambah kepada sumber tenaga manusia negara bagi memastikan mereka ini terlatih, berkemahiran, profesional, produktif dan komited sekali gus menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan ekonomi negara.

Tamat  
###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**4 Mac 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**